

SOALAN NO.: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bilangan peladang, pekebun yang mengalami kesan akibat kejatuhan harga komoditi ketika ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, buat masa ini ketidakstabilan harga komoditi tertumpu kepada getah dan sawit.

Pecahan pekebun kecil mengikut sektor sawit dan getah yang mengalami kesan ketidakstabilan harga adalah seperti berikut:

i. **Sektor sawit:**

Jumlah keseluruhan pekebun kecil termasuk pekebun kecil persendirian, pekebun kecil di bawah Agensi FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain rancangan Kerajaan adalah seramai 567,504 orang.

ii. **Sektor getah:**

Jumlah keseluruhan pekebun kecil termasuk pekebun kecil persendirian, pekebun kecil di bawah Agensi FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain rancangan Kerajaan adalah seramai 300,388 orang.

Sekian, terima kasih.